



**IKLAN JAWATAN KOSONG
JURUUKUR BAHAN GRED J41
MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Sandakan seperti yang berikut:

- 1) Nama jawatan : Juruukur Bahan Gred J41
- 2) Bilangan kekosongan : Satu (1) jawatan
- 3) Taraf lantikan : Kontrak
- 4) Gaji Permulaan : RM2,529.00 sebulan
- 5) Syarat Lantikan

- a) Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Kelayakan Akademik :
 - i. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00)

6) Deskripsi tugas

- a) Menyediakan senarai kuantiti termasuk memastikan pengukuran kuantiti berdasarkan *Standard Method of Measurement (SMM)*.
- b) Menyediakan semua dokumen yang dikehendaki bagi tujuan merunding harga kontrak serta menilai dan menyedia laporan tender serta mengesyorkan tender dan sebut harga.
- c) Menyemak dokumen tender dan senarai kuantiti serta menghadiri mesyuarat penyelarasan teknikal.
- d) Mendapatkan sebut harga (*quotation*) dari pembekal berkaitan dengan item-item yang akan dirundingkan.
- e) Menyedia, menyemak, mengemaskinikan, memperkemas dan menyeragam syarat-syarat dan borang-borang tender dan sebut harga.
- f) Menyedia, menyemak dan memberi khidmat nasihat mengenai tender dan kontrak secara bertulis dan lisan.
- g) Menyediakan anggaran harga kontrak berdasarkan *Build-up Rate* yang disediakan melalui pangkalan data kadar-kadar harga daripada sebut harga dan *as-tendered rate*.



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Sandakan seperti yang berikut:

- 1) Nama jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
- 2) Bilangan kekosongan : Satu (1) jawatan
- 3) Taraf lantikan : Tetap
- 4) Gaji Permulaan : RM1,356.45 sebulan
- 5) Syarat Lantikan
 - a) Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Kelayakan Akademik :
 - i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - ii. lesen memandu Kelas H yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan.
 - iii. berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

CARA MEMOHON:

Menghantar Borang SPA.1 Pindaan 1/98 - Permohonan Jawatan Di Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sabah yang telah lengkap diisi berserta dengan:

- i. Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran pemohon;
- ii. Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran ibu dan bapa pemohon;
- iii. Salinan Kelulusan Akademik (sila lampirkan bersama surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi sijil/diploma/ijazah dari IPTS dan luar negara (jika berkenaan);
- iv. Transkrip keputusan peperiksaan semua semester (jika yang berkenaan); dan
- v. Sekeping gambar ukuran pasport (berwarna)

ke alamat berikut:

**Presiden,
Tingkat 1, Wisma Perbandaran,
Majlis Perbandaran Sandakan,
Peti Surat 221, 90702 Sandakan,
(u.p.: Jabatan Sumber Manusia)**

**Sila tulis nama jawatan di penjurukan atas kiri sampul surat permohonan.*

PENTING:

1. Permohonan yang lewat dan tidak lengkap diisi akan ditolak.
2. Hanya calon yang memenuhi syarat sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
3. Sebarang perbelanjaan bagi urusan permohonan jawatan dan temu duga adalah tanggungan pemohon sendiri.
4. Satu borang hanya untuk satu jawatan sahaja
5. Semua salinan dokumen hendaklah disahkan benar oleh pihak yang tertentu sahaja seperti yang berikut:
 - a. Jabatan Pendaftaran Negara untuk dokumen di (i) dan (ii);
 - b. Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dokumen di (iii) dan (iv).

TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **24 Februari 2023**.

Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Jabatan Sumber Manusia, Majlis Perbandaran Sandakan di talian 089-211944 Samb. 407 dan 409.



(WILSON @ TERENCE B. THOMAS) Cop Rasmi Jabatan
TIMBALAN PRESIDEN I
MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

